

UIA MENGHADAPI MASALAH TAPAK

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pembinaan kampus Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Bukit Fraser mungkin menghadapi masalah mendapatkan tapak yang benar-benar sesuai.

Ini disebabkan kawasan perancangan itu terletak di sempadan dua negeri — Selangor dan Pahang di mana kawasan ratusan hektar itu melibatkan kedua negeri.

Sumber-sumber memberitahu, tapak yang baik dan sesuai terletak di sebelah

negeri Selangor, sedangkan Pahang berhasrat kampus itu dibina sepenuhnya di tanah negeri itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim difahamkan sedang membincangkan perkara ini dengan

pihak-pihak tertentu termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR).

Encik Anwar juga menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk membincangkan tapak kampus yang sesuai.

Bellau juga memberitahu Perdana Menteri, tanah di sebelah negeri Pahang berbukit bukau, berlereng dan kurang sesuai untuk pembinaan kampus itu.

Kampus bernilai ratusan juta ringgit itu akan didirikan berperingkat-peringkat mulai akhir tahun ini.

Pemilihan Bukit Fraser sendiri membayangkan, kampus itu akan digemari oleh para pelajar dan tenaga pengajar akademiknya kerana iklim dan suasana alam semula jadi yang indah dan berdekatan

dengan ibu negara.

Universiti itu apabila siap akan menggunakan dua bahasa pengantar — Bahasa Arab dan Inggeris. Bagaimanapun, Bahasa Malaysia mungkin digunakan

di peringkat pentadbiran saja.

Kementerian Pelajaran yang melaksanakan rancangan itu akan bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri.

No. Siri 2869
No. Penerimaan 614/SS
.....